



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI MELAKA

Aras 5, Menara Persekutuan,  
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh,  
75450 Melaka

Tel: 06-2895000  
Faks: 06-2345201 / 5202 / 5207  
Laman Web :<http://portalpp.anm.gov.my/melaka>

Ruj. Kami : ANM(T)MEL/02/55 JLD.3( 14 )  
Tarikh : 02 September 2020  
Bersamaan : 14 Muharam 1442H

Tuan/Puan,

**JEMPUTAN MENGHADIRI KURSUS KOD PERAKAUNAN iGFMAS - CARTA AKAUN AKRUAN (CAA) DI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM) NEGERI MELAKA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman, pejabat ini akan menganjurkan Kursus *Refresher iGFMAS* yang akan diadakan pada ketetapan berikut:

Nama Kursus	: Kod Perakaunan iGFMAS - CAA
Tarikh	: 14 Oktober 2020 (Rabu)
Masa	: 8.30 pagi hingga 4.30 petang
Tempat	: Bilik Latihan JANM Melaka

3. Sehubungan itu, tuan/puan dijemput untuk menghadiri kursus tersebut dan mengisi borang permohonan kursus melalui capaian *google form* <https://forms.gle/C4Jp569Baufryv4WA> sebelum atau pada **25 September 2020 (Jumaat)**. Untuk makluman tuan/puan juga, segala tuntutan perjalanan adalah di bawah tanggungan jabatan masing-masing.

4. Selain itu, bagi mengekang penularan virus Covid-19, jabatan ini berharap tuan/puan dapat mematuhi *Standard Operating Procedure (SOP)* yang telah ditetapkan seperti di lampiran 1. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, tuan/puan boleh berhubung dengan Puan Zuriah binti Said dan Puan Zakiah binti Md Jasin di talian 06-2895000.

5. Perhatian dan kerjasama tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(SHABIBAH BINTI BACHOK C.A.(M), CPA (Aust) )**

Pengarah Negeri

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Melaka

## Lampiran 1

### **PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM) BERKAITAN TATACARA PENGURUSAN PENGANJURAN LATIHAN BAGI TAHUN 2020 BERIKUTAN PENULARAN COVID-19**

Tanggungjawab Peserta :

- 1) Memastikan diri berada dalam keadaan sihat sebelum hadir ke program latihan dan melakukan saringan kesihatan yang disediakan penganjur sebelum masuk ke ruang latihan;
- 2) Diwajibkan membawa dan memakai pelitup muka (*face mask*) sepanjang mengikuti latihan;
- 3) Menggunakan *hand sanitizer* yang disediakan oleh penganjur sebelum masuk ke ruang latihan;
- 4) Mengelakkan penjarakan sosial sekurang kurangnya 1 meter dengan individu lain;
- 5) Memuat turun aplikasi MYSejahtera dan membuat pendaftaran melalui QR Code yang disediakan oleh penganjur selain daripada pendaftaran yang ditetapkan oleh penganjur;
- 6) Beratur dengan tertib dalam kedudukan penjarakan sosial ketika mendaftar dan mengambil makanan serta tidak berkumpul ketika makan;
- 7) Tidak bersesak di dalam lif, tandas atau mana mana ruang latihan;
- 8) Tidak berhimpun di luar ruang latihan sebelum dan selepas latihan.